

02 OCT 1998

Mahathir-Zahid

MT AKAN PUTUSKAN KEDUDUKAN JAWATAN KETUA PEMUDA DAN ZAHID

JITRA, 2 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, jawatan Ketua Pemuda Umno yang kosong berikutan peletakan jawatan Datuk Zahid Hamidi akan ditentukan oleh Majlis Tertinggi (MT) pada mesyuarat akan datang.

Dalam pada masa yang sama juga, Dr Mahathir berkata, MT akan memutuskan kedudukan Zahid sebagai Pengerusi Bank Simpanan Nasional dan mempertimbangkan permintaan Zahid untuk kekal dalam Umno dan terus memegang jawatan Ketua Bahagian dan anggota Parlimen Bagan Datoh.

Zahid yang baru tiga hari dibebaskan daripada Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) hari ini mengumumkan peletakan jawatan sebagai Ketua Pemuda Umno selepas menerima desakan daripada sebahagian besar anggota Exco Pemuda

Bercakap kepada pemberita selepas majlis bersama rakyat di Dewan Jitra, di sini, Dr Mahathir berkata Zahid telah menulis surat kepadanya menyatakan tidak akan terlibat dalam gerakan reformasi tetapi mahu kekal di dalam Umno.

"MT akan bersidang membuat keputusan berhubung perkara itu," katanya.

Dr Mahathir berkata isteri Zahid juga telah menulis sepucuk surat semasa Zahid dalam tahanan dan menyatakan bahawa suaminya tidak lagi mahu terlibat dengan gerakan reformasi.

Zahid pula telah menulis surat selepas beliau keluar dari penjara dan menyatakan perkara-perkara itu, katanya.

Ditanya mengenai kenyataan Zahid bahawa beliau (Zahid) akan menjelajah ke seluruh negara bagi menerangkan situasi sebenar, Dr Mahathir berkata perkara itu terpulanglah kepada beliau sendiri.

Dr Mahathir berkata bekas Ketua Pemuda Umno itu telah sedar bahawa dia telah diperalatkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjatuhkan kepimpinan beliau.

"Anwar mengaku bahawa beliau telah mendorong Zahid supaya membangkitkan isu kronisme dan nepotisme dalam perhimpunan Agung Umno yang lepas.

"Tetapi apabila Zahid dibelasah oleh saya semasa perhimpunan itu beliau bersikap diam diri tidak mempertahankan Zahid, malahan dalam mesyuarat MT Anwar menyepikan diri seolah-olah dia tidak terlibat," katanya.

Perdana Menteri berkata jelas sekarang Zahid menyedari bahawa beliau telah diperalatkan.

-- BERNAMA

MZM JM AKD